Bahagian A
Section A
[20 *markah/marks*]

Jawab **semua** soalan.
Answer **all** *questions.*

1 Antara berikut, yang manakah gandaan sepunya terkecil (GSTK) bagi 9, 12 dan 24?
Which of the following is the lowest common multiple (LCM) for 9, 12 *and* 24*?*

A 54
B 72
C 84
D 96

2 Diberi bahawa 32 liter minyak petrol diperlukan bagi perjalanan sejauh 112 km. Sebuah kereta mempunyai 6 liter minyak petrol. Berapakah liter minyak petrol harus ditambah lagi jika kereta itu perlu bergerak sejauh 77 km?
Given that 32 *litres of petrol is needed for a journey of* 112 km. *A car has* 6 *litres of petrol. How many litres of petrol should be added if the car needs to travel* 77 km *long?*

A 16
B 22
C 24
D 26

3 Diberi jumlah jisim bagi dua biji durian dan lima biji mangga ialah 7 kg 200 g manakala jisim bagi tiga biji mangga adalah 300 g lebih ringan daripada sebiji durian. Berapakah jisim, dalam g, bagi sebiji mangga?
Given that the total mass of two durian and five mangoes is 7 kg 200 g *while the mass of three mangoes is* 300 g *lighter than a durian. What is the mass, in g, of a mango?*

A 500
B 600
C 700
D 800

4 Selesaikan ketaksamaan $2 + \frac{1}{3}x \leq 2x - 3$.

Solve the inequality $2 + \frac{1}{3}x \leq 2x - 3$.

A $x \leq 6$
B $x \leq 3$
C $x \geq 6$
D $x \geq 3$

5 Rajah 1 menunjukkan sebuah segi tiga dan satu garis lurus.
Diagram 1 *shows a triangle and a straight line.*



Rajah 1
Diagram 1

Apakah nilai x?
What is the value of x*?*

A 40
B 45
C 55
D 60

6 Rajah 2 menunjukkan sebuah dinding yang sedang dicat. Kawasan berlorek mewakili bahagian yang telah dicat.
Diagram 2 *shows a wall being painted. The shaded region represents the painted area.*



Rajah 2
Diagram 2

Diberi luas bahagian yang telah dicat ialah 1.5 m^2. Cari luas, dalam m^2, bahagian yang belum dicat.
Given the area of the painted region is 1.5 m^2. *Find the area, in* m^2, *of the unpainted region.*

A 8.5
B 9
C 10
D 12